

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATO' DR HJ ZAINUDDIN BIN HJ IBRAHIM  
MANTAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

OLEH:

SITI NURDIANA BINTI MOHD AMIN	2014292338
NURUL HAFIZAH BINTI HASSAN	2014415688

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

# PENGHARGAAN

---

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warhmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugas yang diberi iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai temubual bersama tokoh, namun dengan berkat dan kesabaran dan pertolonganNya kami dapat mengatasi masalah yang dihadapi dan dapat menyiapkan tugas yang diberi.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Oral Documentation (IMR604), iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dalam menyiapkan tugas yang diberi, tanpa beliau kami tidak dapat menyempurnakan tugas yang diberi dengan sepenuhnya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Dr Hj Zainuddin Bin Hj. Ibrahim, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan atas kerjasama beliau dalam perkongsian ilmu dan pengalaman yang sangat bermakna yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	05
Bahagian 3: Pencapaian.....	14
Bahagian 4: Sejarah Pekerjaan Awal.....	17
Bahagian 5: Pengalaman Berkhimat.....	18
Bahagian 6: Kerjaya Terkini.....	25
Bahagian 7:Pesanan Dan Harapan .....	29
Rujukan.....	32
Lampiran	
Senarai soalan .....	33
Log Wawancara.....	37
Diari Kajian.....	41
Lampiran .....	42
Indeks .....	55
Surat Perjanjian.....	
Surat Pengesahan Projek .....	

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah diantara kami dengan Dato' Dr Hj Zainuddin Bin Hj Ibrahim iaitu mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Wawancara ini dijalankan di rumah beliau di Villa Taman Guru, Kelantan. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Isnin, 2 November pada pukul 11 pagi. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Dato' Dr Hj Zainuddin dan pengalaman beliau semasa berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Ketika temuramah ini berlangsung kami dapat mengetahui serba sedikit tentang dasar-dasar baru yang beliau gubal semasa berkhidmat di Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Disamping itu juga, temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang pengalaman yang beliau lalui semasa berkhidmat disitu.*

**Kata kunci :** Dato' Dr Hj Zainuddin Bin Hj Ibrahim, Dato' Dr Hj Zainuddin, SUK, dasar baru

# **BIODATA TOKOH**



# BIODATA TOKOH



**Nama** : Dato' Dr. Haji Zainuddin bin Haji Ibrahim

**Tarikh Lahir** : 07.12.1953

**Warganegara** : Malaysia

**Status** : Berkahwin

**Nama Isteri** : Datin Hjh. Maimunah binti Mat@Ahmad

**Bilangan Anak** : 5 orang

**Pendidikan** : (a) PHD (Environment Planning) UPM, 2008  
(b) Master of Science (Town and Regional Planning) USM, 1985  
(c) English Language Test (ELTS), The British Council, 1987. (Result: 5.5/9)  
(d) Bachelor of Social Science (Hons), USM 1977  
(e) Pre-University Studies, ITM 1972/73

**Pengalaman Kerja** : (a) Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (26.6.2011-31.12.2013).

**No telefon** : 013-935####

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Dato' Dr Hj Zainuddin Bin Ibrahim, beliau merupakan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Kami memilih beliau kerana ingin mengetahui lebih mendalam tentang latar belakang, pengalaman, sumbangan dan dasar-dasar baru yang beliau gubal semasa berkhidmat di Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Sebelum beliau dipilih untuk menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, beliau ialah timbalan pegawai kewangan negeri, pejabat perbendaharaan negeri Kelantan dari tahun 2002-2005. Selain itu, kami juga ingin mengetahui anugerah yang pernah beliau perolehi sepanjang berkhidmat.

Disamping itu, beliau juga pernah memenangi beberapa anugerah, oleh sebab itu kami tertarik untuk menemuramah beliau, antara anugerah yang beliau pernah terima ialah mencapai tahap prestasi 5 bintang bagi pengiktirafan bintang agensi sektor awam tahun 2013 pejabat setiausaha kerajaan negeri Kelantan, mencapai taraf 5 Bintang bagi Portal Negeri Kelantan untuk Tahun 2011 dan 2012 berdasarkan Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia pada tahun 2012 yang dilaksanakan oleh Multimedia Development Corporation oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan pelbagai anugerah lain lagi yang beliau perolehi.

# TRANSKRIP

Petunjuk:

SD : Siti NurDiana binti Mohd Amin

NH : Nurul Hafizah binti Hassan

ZI : Dato' Dr. Hj. Zainuddin bin Hj. Ibrahim

## **BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG**

**SD : Boleh Dato' ceritakan serba sedikit latar belakang Dato' seperti asal dan usia Dato'?**

ZI : Nama saya, nama sekarang lah nama lahir lah. Nama ayah saya bagi Zainuddin bin Ibrahim. Tapi sekarang nama saya Dato' Dr. Haji Zainuddin bin Haji Ibrahim. Saya lahir di Kampong Tendong Pasir Mas kemudian saya dibesarkan di Pendek sebab ayah saya orang Pendek emak saya orang tendong. Kemudian saya berhijrah ke Tanah Merah sebab ikut bapa saudara saya. Dia bekerja disana. Usia saya sekarang ni *enam puluh dua* [62] tahun. Tarikh lahir saya 7 Disember 1953.

**SD : Apakah nama gelaran Dato' maksud kami nama timang-timangan, nama glamor dan sebagainya?**

ZI : Tak ada gelaran. Orang panggil saya Din, Haji Din. Tapi sekarang orang panggil Dato' Din.

**SD : Soalan seterusnya, bolehkan Dato' ceritakan tentang sejarah latar belakang keluarga Dato' seperti nama ibu dan ayah Dato', bilangan adik-beradik dan Dato' anak yang ke berapa?**

ZI : Nama ibu saya Hajjah Wan Maryam binti Wan Ibrahim. Ayah saya Haji Ibrahim bin Ismail. Adik beradik saya ramai ada *sepuluh* [10] orang semuanya. Saya anak *kedua* [2]. *Enam* [6] lelaki dan *empat* [4] perempuan.

**SD : Dimanakah tempat tinggal Dato' sekarang dan mengapa Dato' membuat keputusan untuk terus menetap disitu?**

ZI : Tula. Sebenarnya tak ada apa-apa faktor tapi sebab rumah ni asalnya rumah milik ayah kepada isterinya dan saya beli daripadanya. Dan saya rasa faktornya adalah saya suka sini adalah rumah ni dekat dengan sekolah. Saya selalu pesan kepada anak saya kalau nak cari rumah, cari yang dekat dengan sekolah sebab anak nak belajar senang. Nak pergi sekolah senang. Tak payah kita nak hantar ambil. Satu lagi sini dekat dengan pasar dan masjid. *Five minute distance* [jarak lima minit] sampai. Masjid *dua* [2] minit saja. Jadi nak sembahyang jumaat atau waktu dekat je. Faktor komuniti sini adalah komuniti guru. Guru adalah orang terpelajar dan berpendidikan tinggi. Kita senang nak berurusan.

**SD : Bagaimana dengan keluarga Dato', boleh Dato' ceritakan tentang keluarga Dato' sekarang maksud kami isteri dan anak-anak Dato'?**

ZI : Nama isteri saya datin la. Datin Hajjah Maimunah bt Haji Ahmad. Dia berasal dari Kampung Tar Tujuh. Dekat dengan kampung saya Kampung Tendong. Sekarang dia pencen dah. Dulu guru. Anak saya *lima* [5]. *Empat* [4] lelaki sorang perempuan. Yang bongsu la perempuan. Nama anak saya yang pertama Muhd Faisal. Umur dia sekarang *tiga puluh tujuh* [37] tahun. Dia ni dulu S-I-C .Kita ambil sekolah menengah la. Lepas tu dia pergi ke M-R-S-M Taiping. Lepas tu dia pergi U-T-M Skudai lepas tu U-I-T-M Shahalam. Dia buat bidang Ukur Bahan. Anak ke *dua* [2] Muhd Farid. Muhd Farid ni *tiga puluh enam* [36] tahun. S-I-C juga. Lepas tu dia pergi M-R-S-M Terengganu. Lepas tu dia pergi ke U-T-M. Electrical engineering. Anak ke *tiga* [3] Muhd Faiz. Umur *tiga puluh tiga* [33] tahun. Dia belajar S-I-C juga. Lepas tu masuk M-R-S-M Muadzam Shah. Tapi dia balik dia tak mahu belajar situ. Jauh sangat. Lepas tu dia masuk Sunway College. Lepas tu dia belajar di *oversea* [luar negara]. University of Market U S. Eletronic Engineering. Lepas tu masuk balik U-S [United Stated] buat Master. Lepas tu masuk U-P-M Serdang buat P-H-D dalam bidang Engineering. Anak yang ke *empat* [4], Muhd Fakri. Dia S-I-C juga. Lepas tu dia msuk M-R-S-M kuala Terengganu. Dia buat Mekanikal Engineering di U-M. Anak bongsu Siti Fatihah. Dia dulu bersekolah di Maahad Perempuan. Matrik di Chanlong. U-I-A Jurutera Bahan.

**SD : Apakah petua Dato' dalam mendidik anak-anak supaya menjadi orang yang berjaya?**

ZI : Saya rasa tak ada petua sangat. Doa je la. Doa tu penting. Semasa dia nak lahir, semasa ibu dia nak bersalin pun saya doa. Lepas tu tiap kali puasa saya mesti doa. *Sepuluh* [10] pertama, *sepuluh* [10] kedua *sepuluh* [10] ketiga. Doa sorang sorang. Bukan umum. Sembahyang hajat dan doa. Mungkin situ la. Tapi disamping itu juga, saya beri tekanan kepada pelajaran. Rumah saya ini saya buat *study room* [bilik belajar] *satu* [1]. Atas ni dulu saya buat *library* [perpustakaan]. Sekarang ni tingkat atas saya buat *library* [perpustakaan]. Ada *library* [perpustakaan] situ. Saya galakkan anak-anak saya membaca. Mungkin juga la suasana *library* [perpustakaan] yang banyak meja. Masing-masing *study* [belajar]. Masa *study* [belajar], dia *study* [belajar]. Masa *study* [belajar], *group study* [kumpulan belajar] dia bincang adik-beradik dia. Ada inisiatif la. Bila abang nak belajar, adik-adik dia pun nak belajar la. Lepas tu saya rasa penting juga kawan-kawan la. Jangan bagi dia berkawan dengan orang yang tak betul. Sekarang ni ramai orang rosak sebab kawan-kawan la. Yang penting saya rasa doa la. Doa dan kemudian untuk dia. Buku dia nak kena ada. Tuisyen pun penting juga

**TAMAT BAHAGIAN 1**



## BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

**SD** : Mengenai sejarah pendidikan Dato', bolehkah Dato' ceritakan mengenainya, seperti dimana Dato' bersekolah dan nama sekolah yang pernah Dato' menuntut?

**ZI** : Sekolah rendah sini la. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kota. National Type English Primary School. Sekolah Jenis Kebangsaan Enggeris Kota. Tapi saya pindah ke Tanah Merah. Saya ikut bapa saudara saya. Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Raja. Sampai *form five* [tingkatan lima]. *Form one* [tingkatan satu] sampai *form five* [tingkatan lima]. Dan *form six* [tingkatan enam] saya belajar di U-I-T-M. Pre U. Macam sekarang ni Matrikulasi. Dulu tak ada matrik. Selepas itu saya masuk U-S-M.

**SD** : Adakah Dato' aktif menglibatkan diri semasa sekolah?

**ZI** : Adalah. Dulu orang tak ramai, kita kena aktif la. Masa tu *form five* [tingkatan lima] English Malay *dua puluh* [20] orang je. Lepas tu *form five* [tingkatan lima] ramai Malay Malay. Tapi masa tu ada English Malay, Malay Malay, Malay Indian. Jadi saya dulu terlibat dengan banyak perkara, saya terlibat dengan drama, tari menari pun ada dulu. Pernah buat *show* [persembahan] dalam bahas. Dan saya dulu saya main hoki untuk sekolah, saya sebagai ketua hoki sekolah. Lepas tu saya juga pustakawan, cikgu lantik dulu. Sebenarnya cikgu nak lantik jadi pengawas, tapi saya tak mahu sebab kalau jadi pengawas saya kena beli seluar pula. Pengawas kena beli seluar putih kan. Jadi saya tak mahu sebab saya tak mampu nak beli. Pakaian ni pun dah cukup. Saya jadi pustakawan lah selama...

*dua* [2] tahun dari *form four* [tingkatan empat] hingga *form five* [tingkatan lima]. Tapi saya suka juga sebab pustakawan tempat dia di perpustakaan. Dulu saya buat *show* [persembahan] drama dekat padang, dulu budak- budak sekolah je yang main drama ni. Kat padang, *Stage* [pentas] kat padang. Dulu ada nyanyian tapi saya tak menyanyi la. Saya main drama je.

**SD : Bolehkah Dato' ceritakan serba sedikit tentang keadaan pendidikan semasa Dato' bersekolah?**

ZI : Masa itu sekolah ada aliran English ada aliran Melayu. Saya ambil aliran English sebab tu National Type English School. Lepas tu masuk sekolah menengah pun sekolah Inggeris la. Biasanya kalau nak tukar aliran kena masuk kelas peralihan. Masa tu aliran sains ada dekat Kota Bharu je, yang lain aliran sastera. Jadi saya belajar aliran sastera la. Tapi saya tak belajar sastera melayu, saya belajar sastera English. Dulu ramai cikgu bukan orang Kelantan. Cikgu saya kebanyakan dari Penang.

**SD : Bagaimana dengan suasana pembelajaran dengan rakan-rakan dan guru?**

ZI : Masa tu kita kurang belajar dengan rakan-rakan. Kita belajar sendiri je. *Self study* [belajar sendiri] Tapi ada juga kita belajar dengan rakan-rakan. Tapi tak sama dengan sekarang. Kalau kita ada *bestfriend* [kawan baik], kita ajak pergi rumah dia la. (telefon berdering). Kalau kita ada *close friend* [kawan rapat], kita buat la *small discussion* [perbincangan kecil], dekat-dekat nak exam [peperiksaan] kita buat la. Dulu tak ada tuisyen, cikgu la buka kelas malam. Kelas malam bukan...

dia mengajar. Cuma dia suruh kita belajar dekat *classroom* [bilik darjah] lepas tu cikgu pergi. Ada masalah cikgu pergi la. Boleh dikatakan *seventy percent* [70%] *self study* [belajar sendiri].

**SD : Soalan seterusnya Dato', apakah pengalaman yang paling Dato' tidak dapat lupakan semasa di alam persekolahan?**

ZI : Saya ingat begini la. Saya ni bukan orang senang. Saya dulu pun duduk dengan bapa saudara saya jadi saya rasa masalah utama dulu masalah duit tak ada. Pengalaman dulu sekolah dulu kena yuran. Dulu lima puluh ringgit [RM50] sebulan. Sebab English Malay kena yuran jadi setiap bulan cikgu akan minta yuran dengan saya. Yuran pun tak dapat nak bayar. Sebab kita orang susah. Bukan saya sorang, ramai lagi la. Akhirnya kita merayu kepada sekolah, dapat *free* [percuma]. Dapat yuran tu *free* [percuma]. Tapi lama la saya dah setahun lebih dah belajar tingkatan *empat* [4] tingkatan *lima* [5] tu baru dapat iaitu *free scholar* [basiswa percuma]. Saya dapat tak bayar yuran. Lepas tu saya rasa kalau selain daripada tu, yang paling saya tak dapat lupakan, kita dulu kurang buku teks, buku rujukan pun. Dan kita pun tak ada duit nak beli. Kalau beli *satu* [1] buku, pinjam lah. Kalau saya beli, orang lain baca. Kalau orang lain, beli buku lain pula. Bertukar-tukar la. Sebab nya masalah tak ada duit. Semua orang miskin. Terpaksa lah kita kena *exchange* [bertukar] buku rujukan. Buku teks yang penting seperti sains dan matematik saya ada la. Buku teks ni kita kena *booking* (tempah) la dengan budak *form five* [tingkatan lima] jadi budak *form five* [tingkatan lima] bagi kepada budak *form four* [tingkatan empat]. Sebab tu satu buku ada banyak nama. Sekarang ni buku banyak buku pun *free* [percuma] sekarang ni. Pertama...

*no money to buy* [tiada duit untuk beli]. *Bookstore* [kedai buku] nak order tapi tak ada orang nak beli. Dulu tak ada fotostat. Jadi buku tu dah buruk kita guna untuk belajar. Lepas tu saya masuk *form six* [tingkaan enam] baru kerajaan nak bagi pinjam buku teks. Lepas tu guru-guru pun, dia dari penang dari jauh-jauh, lepas tu guru-guru pula Cina. Dia bagus bukan anti-Melayu. Kita belajar English disekolah tak boleh cakap Melayu. Kena cakap English. Kalau cakap Melayu kena denda. Kita dulu bawa duit ke sekoah lima puluh [50] sen, kalau kena denda lima puluh [50] sen, tak ada la duit. Cikgu dulu garang, bukan macam sekarang. Saya pernah kena rotan. *One spelling* (satu ejaan) salah, kena satu [1] rotan. Tu la kenangan, buku teks tak ada, *extra cass* (tambahan) tak ada, cikgu garang, kena rotan, kena pakaian kemas, rambut kena pendek. Bukan macam sekarang lawan cikgu, panggil dengan nama. Kita hormat cikgu. Mungkin sebab Tanah Merah, ulu sikit. Kalau kat Kota Bharu, saya tak tahu la macam mana. Kalau dulu kita demam tak boleh pergi sekolah, tertinggal la pelajaran sebab dulu tak ada tuisyen. Macam-macam masalah disekolah. Boleh dikatakan sekolah dulu dan sekarang banyak berbeza. Kalau kata sekolah dulu macam sekarang, saya boleh dapat *excellent* [cemerlang] la.

**SD : Bagaimana pula dengan mata pelajaran yang Dato' minati semasa di sekolah maksud kami Dato' dalam aliran apa dan matapelajaran yang paling Dato' minati?**

**ZI : Saya rasa saya suka *History* [sejarah] dan Geografi. Saya dulu aliran sastera. Saya tak tahu kenapa saya suka *History* [sejarah]. Lagi pun *my uncle* [bapa saudara...**

saya] yang suruh saya belajar *History* [sejarah]. Geografi ni saya suka sebab subjek dia tentang alam. Jadi saya suka belajar pasal orbit, kita belajar pasal malam dan siang. Saya suka *draw* [lukis] sebab saya boleh *draw very well* [lukis dengan bagus]. Peta dunia saya boleh *draw by free hand* [lukis pakai tangan]. Saya boleh buat peta dunia. Jadi saya boleh buat dimana Jepun, Korea, Malaya, India. Jadi saya suka *draw* [lukis] globe tu. Saya boleh buat long day dan sun overhead dimana. Salah satu sebab lagi sebab cikgu mengajar tu sedap. Mr. Lim Teck Hwa. Baru ni saya pergi Tanah Merah ada Majlis Oldboys Alumni dia datang juga daripada Penang. Saya jumpa dia dan kata Mr. Lim, *Thank you to you, I remember you teach me. Do you still remember me?* (terima kasih kepada awak, saya ingat awak ajar saya. Adakah awak masih ingat saya?). *I* [saya] kata. *So when I sit for the exam, the question came out about long day, long night* [Jadi bila saya menduduki peperiksaan, soalan yang keuar tentang long day, long night]. Jadi saya pun tulis dengan lukis semua. Lepas tu *History* [Sejarah] ni Mr Karim Mohammad. *Teacher from Penang* [guru dari penang]. Dia mengajar sedap. Salah satu faktor adalah cikgu pandai mengajar. Matematik saya tak minat. Memang saya tak pandai matematik. Algebra saja yang saya pandai. Kalau cikgu buat *test* [ujian] Algebra, saya dapat *seratus peratus* [100%]. Kalau yang lain saya tak pandai.

**SD : Setelah tamat Pra-U, bolehkah Datuk ceritakan bidang yang Datuk ambil di USM?**

**ZI : Saya di U-S-M saya ambil Social Science sebab saya ingat saya nak ambil subjek yang kita *pass* [lulus]. Sebab kita masa tu kita orang susah. Peluang yang...**

kerajaan bagi tu peluang keemasan bagi kita. Nak masuk U-i-T-M pun peluang kerajaan bagi juga. Kalau tak kerana U-i-T-M, tak belajar la kita. Duduk dirumah la kita Jadi saya nak ambil satu pelajaran yang boleh kita *pass* [ujian]. So masa tu ada dua saja, Social Sciece dengan Kemanusiaan. Ni gereti budak Melayu *pass* [lulus]. Masa tu la ada orang galakkan saya minat pasal sains politik. Lepas tu masa belajar tu, *lecture* [pensyarah] kata *you must add some more to your major* [awak mesti tambah sesuatu kepada kos utama] (batuk). Saya buat Political Science minor Management. Saya *graduate* [tamat] tahun *tujuh puluh tujuh* [77].

**SD : Pada pandangan Dato', apakah peluang pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian yang Dato' pilih itu?**

ZI : Masa tu saya tak fikir pun peluang pekerjaan sebab habis saja belajar terus dapat kerja. Apa-apa saja you belajar, asal *graduate* [tamat] je [saja] terus dapat kerja. Saya kalau nak kerja di KL [Kuala Lumpur] boleh sangat tapi sebab saya duduk di Kelantan – mula-mula saya mengajar dulu di *private school* [sekolah swasta]. Saya mengajar di A-D-A-B-I Pasir Mas. Lepas tu saya minta pekerjaan sekarang. Pergi KL [Kuala Lumpur] sebentar lepas tu balik Kelantan. Jadi soalan untuk peluang pekerjaan masa tu tak relevan. Saya dapat *tiga* [3] *empat* [4] tawaran pekerjaan.

**SD : Sepanjang di universiti, adakah Dato' aktif melibatkan diri dengan aktiviti anjuran universiti?**

**ZI :** Saya masa di university, saya jadi Kaunselor Umum. (batuk) masa tahun *dua* [2] saya jadi kaunselor umum. Tahun satu [1] saya ikut orang saja. Lepas tu saya jadi pengarah kantin. Saya Kaunselor Umum merangkap Pengarah Kantin Universiti. Saya suka la sebab kalau pengarah kantin, kita dapat makan *free* [percuma]. Lepas tahun *tiga* [3] tu orang ingat lagi kita. Dapat makan *free* [percuma] lagi tapi kita malu la kita bayar la. Saya juga wakil persatuan bagi temuduga biasiswa. Universiti ada biasiswa bermacam-macam yayasan. Jadi setiap kali temuduga ramai la *student* [pelajar] cari saya untuk minta tolong. Kita sibuk la masa tu. Kita nak belajar pun susah orang cari kita sahaja. Ada satu program saya buat, kenduri perdana. Hari terbuka universiti tu dulu kita buat *dinner* [makan malam]. Ada tari menari. Tapi saya ubah, saya buat kenduri cara kampung. Tapi jadi isu sebab kita buat sembelih lembu dalam kampus. Orang luar tak pernah tengok sembelih lembu, kita buat haribulan dah. Orang Hindu marah. Protes. Jadi saya kena panggil pergi jumpa menteri. Masa tu Menteri Pelajaran Dr. Mahathir. Dr. Mahathir tanya la siapa punya idea. Saya mengaku la saya punya idea. Persatuan lain nak pertahan juga. Jadi Dr. Mahathir kata jangan buat sebab kalau buat juga akan jadi permasalahan India dalam kampus. Jadi kita buat juga cuma tak buat dalam kampus, kita buat luar sikit saja dari pagar kampus. Jadi isu lah Melayu dengan India. India protes buat poster. Tunjuk perasaan. Tu la beberapa kenangan. Masa tu president Hamdan Sulaiman setuju buat. Masa kita dulu persatuan pelajar dengan menteri rapat. Menteri Pelajaran dan Menteri Belia, Dato Abdullah Ahmad Badawi kita rapat. Masa kematian Tun Razak saya lah...

yang letak bunga sebagai wakil pelajar. Banyak lah kerja dulu. Bila kita aktif, jadi ada orang tak suka kita juga. Sebab saya dulu kalau ada *exam* [peperiksaan], saya pergi jumpa pensyarah minta *postponed* [tanggung]. Sebab kita ada aktiviti pelajar. Jadi orang *study* [belajar] marah la. Kita minta *postponed* [tanggung] sebab ramai pelajar terlibat aktiviti ni. Bukan kita sorang, ramai yang terlibat. Kalau esok *exam* [peperiksaan], hari ni aktiviti nak membaca masa mana. Orang tak terlibat dengan aktiviti sibuk lah membaca.

**SD : Sepanjang Dato' belajar disana pernahkah Dato' mendapat sebarang anugerah?**

**ZI :** Tak ada anugerah. Masa tu memang tak ada anugerah. Tak pernah dengar pun ada orang dapat anugerah. Masa konvokesyen akhir tu ada la. *Dean list* [senarai dekan] pun tak ada dulu. Kalau ada pun pelajar terbaik bumiputera la. Tapi saya tak dapat. Sebab saya aktif, belajar pun tak cemerlang sangat. Nak *score* [mata] A payah. Dulu banyak tunjuk perasaan. Dulu kita jadi mahasiswa bukan pelajar. Jadi tak ada anugerah. Tapi masa buat Master ada la. Saya dapat *Best Student* [pelajar terbaik]. Dia panggil pingat emas Denis Winston. Denis Winston ni pensyarah situ. Dia mati di meja dia. Jadi pihak universiti mengenang jasa dia, buat satu pingat nama dia, Pingat Emas Denis Winston untuk pelajar perancang Bandar.



**SD : Apakah pengalaman yang paling Dato' tidak dapat lupakan semasa menuntut di universiti tersebut?**

**ZI :** Yang saya tak dapat lupa yang krisis dengan Hindu la.

**SD : Setelah tamat master, adakah Dato' melanjutkan lagi pelajaran?**

**ZI :** Saya buat P-H-D di U-P-M Serdang (Batuk). Saya buat P-H-D dalam Perancang Alam Sekitar.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN

**NH : Sehingga setakat ini, apakah pencapaian tertinggi Dato'?**

ZI : P-H-D, environmental planning, perancangan alam sekitar.

**NH : Seterusnya, pada tahun berapa Dato' dianugerahkan dengan gelaran Dato'?**

ZI : Saya dapat dato' *dua ribu sembilan* [2009]. *Dua ribu sembilan* [2009] saya dapat dato' pertama, orang panggil yang *first* [pertama] dato' *dua ribu tiga belas* [2013] dato' kedua. Dato' banyak taraf, taraf pertama, kedua, ketiga selepas itu *last year* [tahun lepas] saya dapat dato' pula, persekutuan, dato' federal. Jadi saya dapat, tahun *dua ribu sembilan* [2009], dato' Kelantan dato' kelas kedua tahun *dua ribu tiga belas* [2013] saya dapat dato kelas pertama, dato juga. Selepas itu, apa *ni* [ini] tahun lepas tahun *dua ribu empat belas* [2014] saya dapat datuk persekutuan pula dua datuk negeri satu persekutuan saya dapat tiga dato' saya dapatlah, Panglima Jasa Negara, P-J-N.

**NH : Siapa yang memberi anugerah tersebut?**

ZI : Sultanlah, kalau *state* [negeri] sultanlah kalau yang federal agong. Sultan *tu* [itu] buat elok-elok kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, bukan sultan begitu sahaja. Kalau agong, Seri Paduka Baginda Yang Dipertua Agong.

**NH : Bagaimana Dato' boleh mendapat anugerah tersebut?**

**ZI :** Tiada apa sebenarnya, *ni* [ini] pasal kita kerja lama, kita kerja lama selepas itu jawatan kita, selepas *tu* [itu] Sultan bagilah, sebab saya kerja S-U-K, S-U-K *ni* [ini] jawatan tertinggi di Kelantan jadi biasa dapat la Dato'. Masa saya dapat Dato' ini belum S-U-K lagi, saya dapat dato' pertama *tu* [itu] masa timbalan S-U-K masa dato' kedua itu masa saya S-U-K. Selepas itu saya dapat datuk federal *tu* [itu] saya pencen *dah* [sudah] jadi biasa federal *ni* [ini] dia bagilah, bagi orang yang berkhidmat yang tertinggi sahaja, buka semua yang tertinggi. Masa saya P-J-N *tu* [itu] pengurus negara tu dato' yang tertinggillah, selepas itu Tan Sri lah, orang panggil P-J-N, Penerima Jasa Negara, dato' federal. Jadi P-J-N *ni* [ini] dato' tiada *dah* [sudah], habis. Kalau nak dapat pula Tan Sri. Saya *ni* [ini] tak dapat la Tan Sri, dia *tak* [tidak] bagi. Tan Sri *ni* [ini] orang berniaga, ataupun orang korporat, ataupun ketua-ketua polis negara, itulah Tan Srynya. Dia tak bagi sembarangan juga, biasa orang pegawai nombor satu negara, biasa kalau K-S-U pun dia tak bagi biasa kalau K-S-U kementerian luar baru Tan Sri ataupun ketua pengarah I-P-U, I-C-U, ketua pengarah ketua polis kalau ini Tan Sri- Tan Sri dia tak boleh ambil semua, selepas itu orang kuat-kuatlah dapat Tan Srilah, orang berniaga-niaga, orang macam kita tak dapat Tan Sri, takkan dapat *tak* [tidak] mungkin dapat pun. Saya dapat P-J-N dato' tu P-J-N tu dato' paling habis *dah* [sudah] tidak ada dato' dah selepas itu dan Tan Sri, tiadalah. Sebelum saya dapat dato' kelas pertama Kelantan itu pun habis juga, penghabisan dato' yang pertama kedua selepas itu tiadalah, pertama atas sekali, dato kelas pertama kedua dato' kelas pertama. Lepas itu dato' bergelar, dato bergelar *ni* [ini] susah, dia biasa Sultan dipilih dia atas-atas bernasib baiklah (ketawa) tak dapat, kita ni *tak* [tidak] mungkin, *tak* [tidak] angan-angan pun bergelar

**NH : Selepas Dato' mendapat anugerah Dato', adakah Dato' mendapat anugerah lain pula?**

**ZI :** Itulah tahun-tahun tadi, *dua ribu Sembilan* [2009] *dua ribu tiga belas* [2013] *dua ribu empat belas* [2014], ia berbeza tahun-tahun *tu* [itu]

**NH : Siapakah orang yang banyak mempengaruhi pencapaian dan personaliti Dato'?**

**ZI :** Saya rasa tiada apapun yang mempengaruhi pencapaian dan personaliti, mungkin isteri sayalah (batuk)

**NH : Selain mendapat anugerah Dato' adakah dato' mendapat anugerah lain?**

Dulu saya dapat 5-S, 5-S saya dapat anugerah juga. Banyak sangat, tak payah cerita, nanti saya hantar C-V saya

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH PEKERJAAN AWAL**

**NH : Apakah pekerjaan awal Dato' setelah tamat pengajian?**

**ZI :** Saya rasa tiada, kerja ini sahaja, saja jadi guru sekejap, sementara menunggu kerja lain. Saya mengajar cikgu A-D-A-B-I

**NH : Berapa lamakah Dato' bekerja di situ?**

**ZI :** Setahun, selepas itu saya dapat kerja. Saya dulu selepas habis belajar terus mengajar, banyak tempat, dekat situ dekat sini orang suruh mengajar, tapi saya pilih A-D-A-B-I. Saya pun bukan minat nak mengajar

**TAMAT BAHAGIAN 4**

**BAHAGIAN 5: PENGALAMAN BEKHIDMAT SEBAGAI SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**NH : Apakah sumbangan Dato' di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?**

**ZI : Tiada**

**NH : Pada pendapat Dato', apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan  
Dato' dianugerahi pangkat tersebut?**

**ZI : Rekod kerja kita, dan juga jawatan yang menyebabkan saya dapat gelaran itu.**

**NH : Adakah Dato' ada menggubal sebarang dasar-dasar baru semasa  
berkhidmat di Setiausaha Negeri Kelantan?**

**ZI : Perubahan-perubahan yang saya buat *tu* [Itu] yang ada berkaitan dengan rakyat,  
dan juga berkaitan dengan penjawat awam. *Dua* [2] perkara, rakyat, kerajaan,  
jadi saya fikir untuk mencekapkan lagi perkhidmatan awam. Perlukan penjawat  
awam yang sentiasa bekerja, sebab kadang-kadang dia nak bekerja, minta kerja  
tapi malas nak kerja. Jadi kita nak suruh dia bekerja. Saya rasa penjawat awam  
*ni* [ini] suka tinggal pejabat, minum kopi la, sekarang pun ada lagi betul *tak*  
[tidak] Saya buat *satu* [1] dasar, saya panggil keberadaban dipejabat kita...**

*monitor* [pantau] *staff* [pekerja] *tu* [Itu] sorang- sorang. *CC* [setiausaha] dia akan *catit* [catat], ada *catit* [catat], tiada pangkah, ada *catit* [catat]. Sistem itu kita buat cara manual, jadi *staff* [pekerja] memang *tak* [tidak] suka. Bila kita buat baru kita tahu ada orang tinggal pejabat atas sebab-sebab peribadi, sesetengah *tu* [Itu] dia asma, macam ada orang hisap rokok, dia tak boleh, ada setengah mak dia sakit, dia balik mandikan mak dia, masalah anak, ada anak O-K-U jadi terpaksa tinggal, jadi kita pun faham dan memang ada sesetengah pergi keluar minum kopi, bila kita buat sistem mereka *tak* [tidak] berani *nak* [hendak] pergi minum kopi. Walaupun ada juga kawan-kawan saya yang complain [merungut] jadi terpaksa kita *nak* [hendak] bila orang datang kita ada dimeja. kalau *tak* [tidak] orang datang, kita tak ada, hilang. Tanya orang sebelah pun *tak* [tidak] tahu. Apa pekerjaan macam *tu* [itu], makan gaji, haram gaji dia. Selepas itu saya buat satu lagi *helpdesk* [meja bantuan], meja bantuan. Meja bantuan ini pakai vest kami sedia membantu anda. Bila orang datang sahaja, ada yang datang bertanya, sebagai contoh, bertanya, pakcik *nak* [hendak] apa, nak isi boring macam mana, nak jumpa sapa. Kalau tak datang sahaja *tak* [tidak] tahu apa. Tapi sekarang ini orang masih teruskan lagi atau taidak taktahu la sebab saya tidak bekerja S-U-K dah. Kita nak bila orang datang, ada orang sambut. Dan saya tidak puas hati lagi, ada kerja- kerja *tak* [tidak] siap, kerja lama-lama *tak* [tidak] siap saya buat housekeeping. Housekeeping *ni* [ini] bukan cuci rumah, housekeeping ini ialah menyemak kerja-kerja yang *tak* [tidak] siap. Apa dia, fail *tak* [tidak] isi, fail *tak* [tidak] tahu letak *kat* [dekat] mana hilang, kerja *tak* [tidak] siap, hutang *tak* [tidak] kutip, hasil *tak* [tidak] kutip, banyak lagi saya buat tapi ini beberapa. Dari segi fizikal pulak saya buat e-tegar, e-tegar itu adalah pendaftaran penduduk-penduduk miskin. Orang miskin boleh daftar *online* [atas talian], ia...

bukan e-kasih, e-kasih ni kerajaan pusat buat dan penghulu yang isikan, lepas *tu* [itu] dia pilih hijau atau biru, kalau hijau dia *tak* [tidak] daftar *dah* [sudah]. Tapi kalau e-tegar, kita boleh daftar sendiri. Kita miskin daftar sendiri, lepas *tu* [itu] pegawai e-tegar buka ada pendaftaran baru, selepas itu penggawa pergi tengok rumah dan dia nyatakan orang itu betul-betul miskin jadi dia sahkan yang mereka miskin. Kalau awak balik rumah dan awak taip e-tegar *kat* [dekat] google dia akan keluar, sekarang *ni* [ini] kita analisa berapa jajahan negeri, berapa lelaki dan perempuan, seseorang itu ibu tunggal atau tidak, semua ada jadi kalau orang hendak bagi derma pun, dia bukak e-tegar dan tengok dimana ada orang miskin dan mereka cari dengan bantuan google map jumpa rumah tersebut. Kalau awak pergi Bachok sekarang ni kita ada buat groin, ia untuk hakisan pantai *tak* [tidak] *nak* [hendak] bagi tanah hakis. Groin ini kita buat structure tengah laut. Bila ombak datang, pasir akan tersekat dekat batu. Dan saya buat laluan memotong, di ketereh dan kadok saya fikir, bila kerajaan negeri *tak* [tidak] buat dan kerajaan pusat *tak* [tidak] buat jadi saya buat. Di Kelantan perlu laluan memotong, sebab saya pernah pergi Australia tiada lebuh raya dekat Perth tiada lebuh raya, tapi setiap laluan yang tiada ruang memotong tak boleh memotong, kalau potong kena saman, jadi ia selamat. Saya sempat la buat empat di Kelantan ni, di Ketereh, Kadok, Laklok, dan Telekung jadi boleh potong disitu. Saya beritahu kepada M-B buat lagi sampai ke Gua Musang, sebab lebuh raya *kat* [dekat] Kelantan tidak tahu bila *nak* [hendak] buat, sebab ia politik, bukan *tak* [tidak] boleh buat tapi politik, kerajaan pusat pandang Kelantan jangan buat sebab ia parti lain padahal bagi saya *tak* [tidak] susah ikut parti, sebab U-M-N-O memerintah di pusat pun kerana P-A-S pilih juga –



**NH : Bagaimanakah Dato' melaksanakan dasar-dasar tersebut melalui dana terhadap yang diberikan oleh kerajaan?**

ZI : Tok guru Nik Aziz bagi *dua* [2] juta. Selepas itu saya minta dengan federal *dua* [2] juta jadi *empat* [4] juta. Saya *topup* [tambah] pulak *satu* [1] juta, sebab kontraktor makan besar, terpaksa kita bagi *kat* [dekat] dia, kalau *tak* [tidak] dia *tak* [tidak] buat—

**NH : Apakah tugas yang paling berat dan mencabar bagi Dato' di sepanjang berkhidmat di SUK?**

ZI : Tiada, sebab kita kerja dalam keadaan aman.

**NH : Apakah kenangan manis di sepanjang berkhidmat di SUK?**

ZI : Kenangan manis saya ialah saya dapat menyumbangkan kepada masyarakat, tiada yang personal. Pendek kata, sekarang *ni* [ini] saya masih lagi terasa ingin menyumbang kepada masyarakat, tapi saya dah pencen. Sebab itu saya beritahu kepada kawan-kawan saya, awak kena bekerjalah sebelum pencen sebab kalau dah pencen orang *dah* [sudah] *tak* [tidak] bagi bekerja kita *nak* [hendak] buat pun orang tidak bagi juga.

**NH : Apakah pandangan Dato' mengenai perkembangan SUK dari awal penubuhannya hingga kini?**

ZI : Tiada, S-U-K *ni* [ini] ia tiada perkembangan. S-U-K ni bukan macam K-E-S-E-D-A-R, atau F-E-L-D-A dia bukan agensi berlaksana dia sekretariat dia urusetia sebab kalau nak kata perkembangan payah sebab kalau K-E-S-E-D-A-R, F-E-L-D-A -- berapa ekar dah buka berapa ekar dah tutup macam kalau kita kata hospital bila buat bila buka tapi kita ni *as* [sebagai] sekretariat setiausaha kerajaan pejabat setiausaha pejabat sekeretariat maknanya disitu kita buat semua benda hospital ke apa ke semua disitu and produknya orang lain dapat, bukan kita dapat. K-E-S-E-D-A-R pun macam itu juga—tapi *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] kata kita punya sebab orang lain punya cuma kita jadi urusetia tapi kalau produk mungkin kena tanya K-E-S-E-D-A-R apa hasilnya setelah S-U-K tolong dapat buka tanah ribu ekar *dua ribu* [2] ekar memang ada kita buat program di Gua Musang memang kita punya tapi hak kita hak K-E-S-E-D-A-R. Perkembangan apa tiada perkembanganlah.

**NH : Apakah faktor yang Dato' rasakan merupakan penyebab utama rakyat Malaysia masih buta huruf?**

ZI : Saya rasa soalan ini *tak* [tidak] relevan, sebab sekarang *ni* [ini] Malaysia *dah* [hendak] *sembilan puluh lapan* [98] peratus *dah* [sudah] boleh membaca. Kita *dah* [sudah] keluar dari belunggu buta huruf, kalau di Afrika boleh jadi.

**NH : Pada pandangan dato' kenapa rakyat Malaysia kurang membaca?**

**ZI :** Saya buka surat khabar, orang melayu *lima* [5] peratus *saja* [sahaja] yang membaca. *satu* [1] muka surat sahaja sebulan jadi *tak* [tidak] membacalah jadi sebab kita hairan juga sebab bila kita kaji penerbitan buku ni banyak kalau kita pergi ke penerbit keluar beribu-ribu buku setiap bulan dia laku jual dan dikedai buku pun kalau kita tanya pun habis kita *nak* [hendak] beli habis *dah* [sudah] dan bila kita buat kajian pembacaan lima peratus sahaja orang melayu membaca itu pun di baca satu muka surat sahaja sebulan. Ini keseluruhanlah bukan, puratalah ada yang baca habis pun ada jadi purata semua melayu kita anggarkan buat purata—biasa orang melayu ni dia baca Al-Quran baca kitab bukan *tak* [tidak] baca bila Quran *tak* [tidak] masuk dalam *ni* [ini] baca Quran *tu* [itu] hari-hari baca, lebih pada lima muka suratlah kalau baca Quran. Jadi sebab saya membaca ini sebab kita *tak* [tidak] buat program, kita *tak* [tidak] buat program supaya orang membaca. Macam kita kata kita pelihara lembu kita biarkan, jadi dia berkeliaran tapi kerajaan kena ada macam dalam bahasa sendiri apa peranan dia program membaca *tak* [tidak] buat macam saya pernah buat masa saya di Kota Bharu sekali, masa saya di S-U-K sekali ni saya buat satu lagi ni program membaca. Program membaca ini kita ambil satu masyarakat di Taman Guru *ni* [ini] kita bagi buku kepada dia buat kumpulan lima orang, lima orang ikut berapa lama terus bagi buku kepada dia lima orang ni baca buku ni lima orang lagi baca buku ni lima orang ni kalau buku lima puluh helai *sepuluh* [10] helai baca selepas itu buat rumusan, selepas itu kita buat majlis penyampaian rumusan buku itu selepas itu kena buat macam itu jadi saya pernah buat orang suka. Saya pernah buat masa saya di Wakaf Bharu di kampung Kastam dia buat begitu bila ayah dia *nak* [hendak] menyampai rumusan buku *tu* [itu] anak semua pergi,...

isteri pergi abang-abang pun pergi ramai orang bila anak nak menyampai ayah  
pula pergi bila atuk nak menyampai anak cucu semua pergi kawan-kawan pergi  
nak dengar rumusan buku oleh ayahnya oleh satu A ni, A *ni* [ini] dia ada anak  
ada isteri ada kawan jadi ramai orang pergi. Jadi itu kita nak orang, membaca  
kalau kita buat perpustakaan tiada apa-apa orang tak pergi perpustakaan sebab  
tiada program dan orang kita malas *nak* [hendak] buat program.

## TAMAT BAHAGIAN 5

## BAHAGIAN 6: KERJAYA TERKINI

**NH : Siapakah idola Dato' dari dahulu sehingga kini?**

**ZI :** Saya tiada idola, saya *tak* [tidak] suka ada idola. Saya boleh katakan kalau *nak* [hendak] kata idola pun saya rasa Tok Guru Nik Aziz, tapi bukanlah idola juga. Idola ni susah, sebab kalau idola ni kita kena ikut cara dia. Idola *ni* [ini] maknanya orang yang kita sanjung sahaja. Saya suka Tok Guru Nik Aziz, saya suka juga Tun Dr Mahathir, sebab dia banyak idea, orang yang berani, banyak benda yang dia cipta. Tok Guru Nik Aziz dia merupakan seorang yang alim, saya suka juga dia sebab dia buat benda dalam konteks islam, apa-apa kita buat dalam konteks islam, lain daripada Tun Dr Mahathir, dia *tak* [tidak] fikir islam, dia fikir kejayaan iaitu duniawi. Kita nak kedua-duanya, tapi Tun Dr Mahathir tidak berfikir seperti itu, walaupun begitu beliau berjasa juga, mungkin lebih besar dari Tok Guru Nik Aziz beliau punya jasa. Tetapi adakah jasanya boleh membawanya ke akhirat. Saya boleh katakana saya lebih suka kepada Tok Guru Nik Aziz. Bukan kata orang lain *tak* [tidak] bagus, bagus juga.

**NH : Apakah pekerjaan Dato' sekarang?**

**ZI :** Penasihat dewan perniagaan melayu, penasihat masjid Pintu Geng, ahli lembaga banyaklah beberapa syarikat -- dan saya juga ada syarikat sendiri.

- NH : Berapa lamakah Dato' sudah berkhidmat dalam bidang jawatan tersebut?**
- ZI : Berapa lama, baru sahaja, selama *satu tahun sepuluh bulan* [1] tahun [10] bulan
- 
- NH : Pada tahun berapa Dato' bersara?**
- ZI : Januari *Dua Ribu Empat Belas* [2014].
- 
- NH : Apakah bidang kajian yang menjadi minat Dato' sekarang?**
- ZI : Saya begitu minat, yakin dan begitu teruja kepada sesuatu benda yang orang *tak* [tidak] buat, saya *nak* [hendak] buat *tak* [tidak] larat. Persatuan pengguna jalanraya, saya ada persatuan--tapi tiada persatuan pengguna jalanraya, tapi M-K-J-R ada kan, Majlis Keselamatan Jalan Raya, M-K-J-R yang kerajaan. Bagi N-G-O saya rasa perlu ada persatuan pengguna jalanraya, sebab apa kena ada, sebab pengguna jalanraya tiada persatun dia, dan jalanraya *ni* [ini] tempat ada masalah banyak, *accident* [kemalangan] dan kesesakan lalulintas berlaku, *jammed*, kesesakan *accident* [kemalangan] ada yang melanggar peraturan jalanraya dan sesama sendiri kita dijalanraya pun kita tidak berapa hormat menghormati dan bila berlaku sesuatu perancangan dibuat dijalanraya kita tengok benda ni bahaya pun tiada orang tak tegur. Sesuatu benda tu boleh membahayakan--. Persatuan inilah kena tegur. Bagitahu kerajaan—sebab itu orang melayu ni kurang dari segi *caring* [mengambil berat] sebab kita *caring* [mengambil berat] mulut *jah* [sahaja] mulut manis orang melayu tapi tidak buat tindakan. Dia tidak macam Cina, Cina dia buat, dia manis dimulut sebab di Penang tu kanak-kanak *spetik* dia ambil berat dia ada persatuan kanak-kanak...

spestik Pulau Pinang, dekat sini tiada harap kerajaan, sebab sini kalau kita ada persatuan pengguna jalanraya kalau ada kemalangan kita boleh pergi cari mangsa tu bagi bantuan kepada dia, sebab saya pernah buat masa saya di Kuala Krai saya pergi cari orang yang kena kemalangan jalanraya ni ada kat rumah, budak-budak muda umur *tujuh belas* [17] *lapan belas* [18] . saya bagi computer sorang-sorang. Dan saya suruh cikgu dia ajar dia komputer sebab adanya komputer itu dia akan keluar dari dunia dirumah dia itu dia akan internet, dia akan tahu Malaysia apa, Amerika apa. Pasal budak cerdas budak-budak cemerlang disekolah. Kemalangan jalanraya ada duduk dirumah sahaja, apa kita nak buat pada dia, orang melayu tidak ambil peduli sampah buang merata orang melayu kita, ludah merata, suka fitnah orang, suka nak menjatuhkan orang, selepas itu kalau ada orang sakit, duduk dihospital, kalau dirumah pun, ambil peduli sekejap sahaja, selepas itu lupa, jadi tiada caring, sebab itu saya kata perlu tegak.

**NH : Pada akhir tahun lepas, saya pasti Dato' mengetahui tentang banjir yang melanda di Kelantan. Adakah dato' terlibat dalam sukarelawan untuk membantu mangsa banjir?**

**ZI :** Saya bagi dekat sini sahaja, tak pergi *kat*[dekat] luar sebab saya *nak* [hendak] pergi pun tiada kemudahan lagi, memang perasaan *tu* [itu] ada, Saya bagi bantuan kawasan sini sahaja, saya bagi bantuan orang nak selimut, baju saya bagi. Saya *tak* [tidak] terlibat secara langsung memang tiada secara langsung, kawasan ini sahaja. Saya teringin *nak* [hendak] pergi tapi ada masalah...

kewangan sedikit, ada pasang niat *nak* [hendak] bina rumah.

## **TAMAT BAHAGIAN 6**



## BAHAGIAN 7: PESANAN DAN HARAPAN

**NH : Apakah harapan Dato' terhadap sambutan masyarakat untuk mencapai sebuah Negara yang berbilang kaum?**

